

Selasa, Feb 06 2018

Pertumbuhan KDNK jana perolehan LHDN

[FOTO HALIMATON SAADIAH SULAIMAN/BH]



Sabin (tengah) berbual bersama wakil media pada majlis minum petang bersama media di Kuala Lumpur, semalam.

Kuala Lumpur: Cukai yang dikutip Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tahun lalu meningkat sebanyak 8.15 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Sabin Samitah, berkata peningkatan positif itu didorong pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 5.7 peratus.

Katanya, LHDN juga akan meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pembayar cukai dan meneruskan aktiviti pematuhan bagi memastikan sasaran kutipan RM134.7 bilion tahun ini dicapai.

"Justeru, bagi meneruskan momentum ini, pelbagai aktiviti dan program percukaian berimpak

tinggi merangkumi pematuhan cukai, perundangan, pendidikan secara komprehensif serta holistik akan dilaksanakan.

Kehilangan hasil negara

"Ini untuk memastikan ketirisan dan kehilangan hasil negara dapat dibendung agar kelestarian serta rancangan pembangunan negara dapat diteruskan pada masa hadapan," katanya.

Beliau ditemui pada majlis minum petang bersama media di sini, semalam.

Hingga Disember 2017, sebanyak 2,988 sesi taklimat percukaian, 46 program kerjasama, 76 seminar percukaian dan 874 program latihan sokongan peniaga diadakan.

Selain itu, peringatan awal juga

diberikan kepada 59,920 pembayar cukai baharu untuk melaporkan pendapatan tahunan mereka.

Sabin berkata, LHDN juga akan mengesan sebarang aktiviti perancangan cukai agresif, seperti tindakan penggabungan dan pengambilalihan syarikat dan manipulasi Akta Cukai Aktiviti Penggabungan Perniagaan Labuan 1990.

"Selain itu surat audit cukai turut dikeluarkan kepada pembayar cukai yang dikesan mempunyai aset tetapi tidak mengisytiharkan pendapatan mereka.

"Bagi yang sukar memberikan kerjasama menjelaskan tunggakan pula, dikenakan tindakan guaman sivil sehingga dibankrapkan bagi memberi keadilan kepada pembayar cukai lain," katanya.

Fakta
nombor

RM134.7
BILION

sasaran
kutipan
cukai
tahun ini

59,920
ORANG

pembayar
cukai
baharu
berdaftar